

Al-Sultan Abdullah yang ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 hari ini mempunyai sifat ketokohan yang tinggi serta jiwa prihatin terhadap rakyat jelata di negara ini, malah menyifatkan baginda juga adalah rakyat. Daulat Tuanku!



KEPIMPINAN Al-Sultan Abdullah (kiri) dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah pasti akan menitikberatkan kebajikan rakyat sesuai dengan keperibadian baginda berdua yang sering mencemar dull mendampingi rakyat.

## INFO Al-Sultan Abdullah

- Pertabalan: 30 Julai 2019
- Negeri: Pahang
- Raja Permaisuri Agong: Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah
- Putera-Puteri:
  - Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah (Tengku Mahkota Pahang)
  - Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah
  - Tengku Ahmad Shah (Mangkat)
  - Tengku Muhammad Iskandar Riayatuddin Shah
  - Tengku Ahmad Ismail Muadzam Shah
  - Tengku Afzan
  - Tengku Izzan
  - Tengku Iman
  - Tengku Izzah
  - Tengku Iyana

# Al-Sultan Abdullah warisi legasi monarki negara

Oleh **GHAZALI ALIAS**  
Foto **IHSAN ABDUL RAHIM OTHMAN, ARKIB KOSMO!**

**P**AYUNG Negara merupakan sanjungan yang diberi kepada Yang di-Pertuan Agong (YDPA) selaku ketua negara dan juga merupakan lambang kedaulatan institusi beraja yang diamalkan di Malaysia.

Berada pada hierarki tertinggi dalam sistem demokrasi di Malaysia, YDPA atau gelaran rasmi penuhnya, Keberwah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah simbolik kepada keunikan Malaysia dengan pemilihan ketua negara dalam kalangan sembilan Sultan yang memerintah negeri-negeri Melayu.

Pengarah Institusi Islam Hadhari dan Profesor Undang-Undang di Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datuk Noor Aziah Mohd. Awal melihat fungsi YDPA bukan sekadar simbol kedaulatan sistem beraja di Malaysia.

Menurutnya, YDPA adalah identiti kepada Malaysia. Ia bukan sekadar ketua negara tetapi kekatatan kepada rakyat yang merangkumi pemangkin kesejahteraan, kemakmuran dan perpaduan sesebuah negara.

"Sistem beraja adalah amalan di negara kita sejak sebelum Malaysia mengesepi kemerdekaan. Ia juga merupakan unsur-unsur tradisi yang diterapkan dalam Perlembagaan



MESKIPUN sibuk dengan tugas harian, Al-Sultan Abdullah (kanan) tetap akan mencuri masa melakukan aktiviti riadah.

Malaysia yang mana menjadi kekatatan kepada pentadbiran sebuah kerajaan.

"Mengkekalkan sistem beraja merupakan perjuangan pemimpin negara terdahulu dalam menuntut kemerdekaan sekali gus menjadikan Malaysia sebuah negara yang seimbang dalam amalan demokrasi," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Renditinya, YDPA adalah salah satu daripada beberapa bentuk monarki di dunia yang dilakukan menentasi pemilihan raja. Pemilihan YDPA dilakukan oleh Majlis Raja-Raja daripada kalangan sembilan Raja-Raja Melayu mengikut peraturan-

peraturan dan kaedah-kaedah yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Selepas mengesepi kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, pemilihan YDPA dilakukan selepas Majlis Raja-Raja bersidang untuk mengundi pemegang takhta yang pertama.

### Sejarah

Almarhum Mejar Jeneral Sultan Sir Ibrahim Al-Masyhur ibni Almarhum Sultan Abu Bakar (Sultan Johor) ketika

itu merupakan calon utama kerana baginda merupakan sultan yang telah lama memerintah.

Bagaimanapun baginda yang ketika itu berusia 84 tahun menolak perantukan tersebut berikutan telah lanjut usia, lalu membawa kepada perantukan Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad (Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan) sebagai YDPA pertama.

Pemilihan YDPA dilakukan mengikut sistem penggiliran pertama yang sembilan. Ini bermaksud sultan di sembilan negeri akan dilantik menjadi YDPA untuk tempoh lima

tahun secara bergilir.

Bagaimanapun, penggiliran ini masih tertaklak kepada perkenan dan undi rahsia ketika Mesyuarat Pemilihan Majlis Raja-Raja.

Penggiliran itu bermula dengan Negeri Sembilan, Selangor, Perlis, Terengganu, Kedah, Kelantan, Pahang, Johor dan Perak.

Sehingga kini, penggiliran YDPA telah memasuki pelantikan yang ke-16 apabila Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah dipilih sebagai YDPA ke-16 bagi tempoh lima tahun berkuat kuasa 31 Januari 2019.

Baginda menggantikan Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V yang menuruni takhta pemerintahan pada 6 Januari lalu.

Al-Sultan Abdullah merupakan seorang sultan yang dekat dengan rakyat khususnya di Pahang memandangkan baginda secara rasmi memangku takhta negeri sebagai Pemangku Raja Pahang bermula 2016 selepas kegeringan almarhum ayahanda baginda.

Baginda juga merupakan pemegang gelaran putera mahkota kedua paling lama itu hampir 44 tahun dalam kalangan pewaris takhta di seluruh dunia, hanya di belakang Putera Charles dari Wales.

Pada 11 Januari lalu, Al-Sultan



NOOR AZIAH